

ANALISIS ITEM UJIAN TAHAP PENGUASAAN ILMU NAHU PELAJAR SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Hazrul Affendi Mohmad Razali,
Zamri Arifin & Hakim Zainal

ABSTRAK

Pelbagai kajian yang berkaitan dengan ilmu nahu telah dilaksanakan oleh ramai ahli akademik. Namun kebanyakan kajian hanya memberi fokus kepada topik tertentu sahaja dalam ilmu nahu. Kajian ini merupakan kajian rintis yang bertujuan untuk menganalisis item ujian tahap penguasaan ilmu nahu. Ujian ini merangkumi semua topik yang terkandung dalam buku teks ilmu nahu yang digunakan dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kajian ini juga bertujuan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan item instrumen kajian. Kajian ini melibatkan seramai 30 responden daripada Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri Perak. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik bertujuan mendapatkan maklumat demografi responden dan satu set ujian tahap penguasaan ilmu nahu. Hasil kajian mendapati 7 item perlu disingkirkan daripada 50 item ujian. Sebanyak 43 item akan digunakan dalam kajian sebenar. Indeks kesukaran dan indeks diskriminasi item digunakan untuk menilai kesesuaian item ujian. Item ujian ini dianalisis menggunakan perisian PediA versi 3. Kesahan set ujian tahap penguasaan ilmu nahu diperolehi daripada 2 orang pakar penilai melalui kesahan muka dan kesahan kandungan. Kebolehpercayaan item ujian diukur menggunakan formula Kuder-Richardson (KR-20) melalui perisian Microsoft Excel. Nilai KR-20 untuk keseluruhan item ujian ini adalah 0.8763. Konstruk yang diukur adalah pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Untuk konstruk pengetahuan nilai KR-20 yang diperolehi adalah 0.7214, konstruk kefahaman 0.6848 dan konstruk kemahiran 0.734. Nilai yang diperolehi ini menunjukkan ketekalan dalaman set ujian dan kebolehpercayaan item adalah tinggi dan sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Kata Kunci: penguasaan, nahu, STAM, SMAN, SABK, SMAR

ANALYSIS ON TEST ITEMS FOR LEVEL OF GRAMMAR MASTERY AMONG STUDENTS IN MALAYSIA HIGHER RELIGIOUS CERTIFICATE (STAM)

ABSTRACT

Numerous research relating to grammar have been undertaken by many academicians. However, most research focuses only on certain topics in grammar. This research is the pilot research attempting to analyses test items for level of mastery in grammar knowledge. This test comprises all topics contains in text bookfor grammar used in Malaysian Higher Religious Certificate (STAM). This research also oaims to evaluate the validity and the reliability research item instrument. This research covers 30 respondents from State Religious Secondary Schools (SMAN), Government Assist Religious Schools (SABK) and People's Secondary Religious Schools (SMAR) in state of Perak. The instrument used in this research is questionnaire set in order to obtain the respondent's demographic information and a set of test for level of grammar mastery. The result of this research found that 7 items need to be eliminated from the total of 50 test items. A total of 43 test items will be used in the actual research. Difficulty and discriminatory indexes items are used to evaluate the suitability of test items. This test items were analysed using PediA version 3 software. The validity of test for level of grammar mastery set were obtained from 2 appraisal experts through face and contents validity. The reliability of the items were evaluated using the Kuder-Richardson (KR-20) formula from Microsoft Excel software. The total overall KR-20 value for these test items were 0.8763. the construct evaluated were knowledge, understanding and proficiencies. The knowledge construct KR-20 value was at 0.7214, understanding construct was 0.6848 and proficiency construct was at 0.734. the values obtained showed internal consistency and reliability of the test set is high and suitable to be used in the actual survey.

Keywords: *mastery, grammar, STAM, SMAN, SABK, SMAR*

PENDAHULUAN

Ilmu nahu adalah salah satu disiplin ilmu dalam pengajian bahasa Arab. Ia juga merupakan salah satu unsur yang membentuk sistem untuk berkomunikasi. Penguasaan ilmu nahu akan membantu

menguasai bahasa yang digunakan atau yang dipelajari. Dalam pengajian bahasa Arab, Ilmu nahu terdiri daripada kaedah dan ketetapan yang telah disepakati oleh para ilmuan bahasa Arab terdahulu.

Naimah Abdullah (2003) menjelaskan bahawa setiap kata bahasa Arab sentiasa terikat kepada semantik tatabahasa untuk memastikan setiap ujaran atau ayat yang hendak disampaikan mempunyai makna yang boleh difahami. Justeru, disimpulkan bahawa ilmu nahu mempunyai implikasi yang tersendiri terhadap makna sesuatu ayat.

Pengaruh nahu didapati bukan hanya terhad kepada pertuturan dan penulisan sahaja. Ismail Mohd Hassan @ Sham (1986), Abdul Wahid Salleh (2001) dan Yass Khudayer Jasim (2002) menegaskan bahawa fungsi nahu juga memberi kesan kepada penetapan makna ayat al-Quran. Di samping itu, Yass Khudayer Jasim (2002) dan Kamarul Shukri Mat Teh (2002) mendapati ilmu nahu turut memberi kesan kepada penetapan hukum-hukum syara'.

Muhammad Mustafa (1995) dalam kajiannya telah mendatangkan pandangan orang Arab dan bukan Arab yang menyatakan tentang kerumitan menguasai nahu Arab. Mereka mendakwa nahu Arab adalah satu ilmu yang unik dan sangat rumit untuk dikuasai. Kerumitan ini merangkumi pelbagai aspek seperti struktur ayat, sistem makna, sistem perubahan baris dan kalimah dalam ayat serta hukum icrab dan sebagainya. Menurut Mat Nawi Mat Jusoh et al. (2014) kesukaran menguasai kaedah nahu adalah di antara sebab kemerosotan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kesukaran menguasai kaedah nahu khususnya dalam kalangan pelajar telah menarik minat ramai ahli akademik untuk melaksanakan kajian berkaitan dengan ilmu nahu. Kajian yang dilaksanakan meliputi pelbagai aspek dan topik, umpamanya kajian tahap penguasaan pelajar terhadap kata kerja bahasa Arab yang telah dilakukan oleh Hashim Mat Zin (2008), Munirah Jaafar (2011) dan Normila Norudin et al. (2014). Hasil kajian mereka menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap kata kerja bahasa Arab secara keseluruhannya berada di tahap sederhana.

Ahmad Rushdi Haroon (2010) pula telah menjalankan kajian berkaitan partikel “al” dalam bahasa Arab. Beliau mendapati penguasaan partikel “al” dalam kalangan pelajar adalah lemah. Kelemahan yang dikenal pasti adalah pelajar tidak dapat membezakan fungsi partikel “al” dan menentukan penggunaannya dengan tepat.

Topik lain yang dikaji berkaitan dengan penguasaan ilmu nahu adalah al-cadad wa al-macdūd. Kajian Mohamad Hussin (2010) Nurul Huda Hassan et al. (2012) mendapati tahap penguasaan pelajar dalam al-cadad wa al-macdūd masih lagi di tahap lemah. Masalah yang dikenal pasti mengganggu pelajar menguasai tajuk ini adalah kekeliruan konsep dalam al-cadad wa al-macdūd. Menurut Hakim Zainal & Mohd Muslim Abdullah (2014) al-cadad wa al-macdūd adalah di antara tajuk tatabahasa yang sukar dipelajari dan dikuasai oleh pelajar.

Di antara kajian lain yang berkaitan dengan nahu adalah kajian yang dilaksanakan oleh Mohamad Rofian Ismail et al. (2014). Hasil kajian beliau menunjukkan kesalahan nahu yang dilakukan adalah kesalahan penggunaan gender, kata ganti nama diri, kesalahan frasa (iḍāfah dan sifat) dan kesalahan penggunaan kosa kata.

Berkaitan dengan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kajian Rosni Samah dan Muhammad Marwan Ismail (2006), Rosni Samah dan Arnida A Bakar (2008), Mohd Shafien Othman (2008), Muhamad Fahmi Abd Jalil (2012), Ashinida Aladdin (2012) turut menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar STAM dalam bidang bahasa Arab khususnya ilmu nahu masih pada tahap lemah.

Pelbagai kajian didapati telah dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui tahap pencapaian dan penguasaan nahu dalam kalangan pelajar. Namun, semua kajian tersebut hanya memberi fokus kepada tajuk atau topik tertentu sahaja. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan tahap penguasaan pelajar hanya pada tahap sederhana dan lemah.

Justeru, satu kajian menyeluruh yang merangkumi semua topik ilmu nahu perlu dilaksanakan, di samping dapat menjelaskan adakah tahap penguasaan pelajar masih sama sebagaimana dapatan kajian terdahulu khususnya pelajar STAM. Tumpuan diberikan kepada pelajar STAM kerana kurikulum STAM yang diguna pakai adalah berteraskan bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menganalisis item ujian tahap penguasaan ilmu nahu pelajar STAM.
2. Menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

PERSOALAN KAJIAN

Adakah semua item ujian sesuai digunakan untuk kajian sebenar ?
Bagaimanakah kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian diperolehi ?

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis adalah skrip jawapan responden yang diperolehi melalui ujian tahap penguasaan ilmu nahu yang dilaksanakan. Data dianalisis menggunakan perisian PediA versi 3 yang dibangunkan khusus untuk menganalisis ujian berbentuk objektif.

SAMPEL DAN LOKASI KAJIAN


Menurut Chua Yan Piaw (2006) salah satu langkah dan peraturan membentuk instrumen kajian adalah melalui kajian rintis. Kebiasaannya 20 hingga 40 individu yang mempunyai latar belakang demografi yang sama dengan responden kajian sebenar digunakan dalam kajian rintis.

Dalam kajian rintis tahap penguasaan ilmu Nahu pelajar STAM ini, seramai 30 orang yang terlibat sebagai responden. Mereka terdiri daripada pelajar STAM di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri Perak. Responden yang terlibat bukanlah terdiri daripada populasi kajian sebenar, namun mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri populasi yang ditetapkan dalam kajian sebenar.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data adalah soal selidik dan ujian tahap penguasaan ilmu Nahu yang meliputi konstruk

pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Konstruk ini diadaptasi daripada format pentaksiran STAM Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013). Instrumen kajian ini adalah seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat demografi seperti jantina, umur, keputusan mata pelajaran bahasa Arab dalam SPM, kekerapan menduduki peperiksaan STAM, kemahiran pertuturan dan penulisan bahasa Arab, kategori sekolah semasa SPM dan kategori sekolah tempat belajar sekarang. Dalam kajian ini, jenis item soal selidik yang digunakan adalah item pilihan tunggal. Melalui pernyataan item yang dikemukakan, responden diminta untuk membuat pilihan yang bersesuaian.

Ujian tahap penguasaan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Ujian pengetahuan bertujuan untuk menilai kebolehan kognitif untuk mengingat semula atau mengenal pasti elemen spesifik yang terdapat dalam kandungan sesuatu mata pelajaran. Ujian kefahaman bertujuan untuk menilai kebolehan kognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan tanpa situasi baharu dan tidak memerlukan atau tidak memerihalkan implikasi terhadap pengetahuan tersebut seperti menggunakan perkataan atau simbol dan menyatakan suatu pernyataan, peristiwa atau konsep dengan menggunakan olahan bahasa yang tersendiri. Manakala ujian kemahiran pula bertujuan untuk mengukur keupayaan melakukan sesuatu selepas melalui proses pembelajaran seperti

mengaplikasi, menganalisis dan menilai (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2013).

PEMBINAAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) juga dikenali sebagai Jadual Penentuan Ujian (JPU). Tujuan JSU disediakan adalah sebagai panduan untuk membina item atau soalan ujian. Di samping itu, JSU dapat membantu memastikan taburan item ujian lebih menyeluruh berasaskan kepada topik yang hendak diuji. Tempoh menjawab setiap item juga dapat ditetapkan melalui jumlah item yang dirancang.

Topik yang ingin diuji dalam kajian ini adalah berasaskan kepada buku teks ilmu Nahu yang digunakan dalam STAM. Sedikit pengubahsuaian telah dilakukan untuk disesuaikan dengan kajian ini. Umpamanya asas Nahu, topik ini tiada di dalam STAM namun ditambah dalam kajian ini untuk memberi gambaran yang menyeluruh tentang tahap penguasaan ilmu Nahu. Topik pertama adalah asas Nahu. Kedua adalah ism marfūc, ketiga, ism mansūb, keempat, ism majrūr, kelima, al-tawābic dan keenam, al-mucrab min al-af cāl.

Topik pertama iaitu asas Nahu meliputi sub topik mudhakkār dan muannath, mufrad, muthanna dan jamc, nakirah dan *macrifah*, *al-ḍamair*, *anwā' al-i'rāb*, *anwā' al-binā'* dan *al-af'āl*. Topik kedua iaitu ism marfū' meliputi sub topik *al-mubtada'*, *al-khabr*, ism kāna, *khabr inna*, *al-fā'il* dan *nāib al-fā'il*. Topik ketiga iaitu ism mansūb meliputi sub topik *khabr kāna*, ism inna, *al-maf'ūlat*, *al-ḥal*, *al-mustathnā*, *al-munādā* dan *al-tamyīz*. Topik keempat iaitu ism majrūr meliputi sub topik *majrūr bi ḥarf al-jarr* dan *majrūr bi al-iḍāfah*. Topik kelima iaitu *al-tawābi'* meliputi sub topik *al-na't*, *al-tawkīd*, *al-badl* dan *al-'aḥf*. Dan topik keenam iaitu al-mucrab min *al-af'āl* meliputi sub topik *raf' al-fi'l al-mudāri'*, *naṣb al-fi'l al-mudāri'* dan *jazm al-fi'l al-mudāri'*. Keseluruhan topik yang diuji berjumlah 6 topik dan sub topik yang diuji pula berjumlah 28 sub topik.

Daripada enam topik ini, untuk konstruk pengetahuan dan kefahaman, 4 item akan dibina dari setiap topik pertama, kedua dan ketiga dan 1 item dari setiap topik keempat, kelima dan keenam. Jumlah item untuk konstruk pengetahuan adalah 15 item bersamaan dengan 30 % dan tahap kefahaman juga adalah 15 item juga bersamaan dengan 30 % .

Untuk konstruk kemahiran, 5 item akan dibina dari setiap topik pertama, kedua dan ketiga, 2 item dari setiap topik kelima dan keenam, dan 1 item dari topik keempat. Jumlah item untuk konstruk kemahiran adalah 20 item iaitu bersamaan dengan 40 %. Item konstruk kemahiran dilebihkan 5 item bertujuan adalah untuk menzahirkan bahawa kemahiran merupakan tahap yang perlu dititik beratkan kerana menggambarkan keupayaan menggunakan pengetahuan dan kefahaman sedia ada. Setelah dicampur item dari ketiga-tiga konstruk iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran, jumlah keseluruhan item bagi ujian ini adalah 50 item.

Seterusnya dijelaskan bilangan dan peratus item untuk ketiga-tiga konstruk iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran berasaskan kepada topik yang diuji. Untuk topik pertama, kedua dan ketiga iaitu asas Nahu, ism marfūc dan ism mansūb sebanyak 13 item telah dibina untuk setiap topik iaitu bersamaan dengan 26 %. Topik ism majrūr, 3 item yang bersamaan dengan 6 %. Manakala topik al-tawābic dan al-mucrab min al-af cāl, setiap satunya adalah sebanyak 4 item yang bersamaan dengan 8 %.

JSU keseluruhan kajian ini adalah seperti di lampiran 1 dan rumusan kepada JSU ini ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Rumusan Jadual Spesifikasi Ujian

Bil.	Topik	Bilangan Item Konstruk			Bil. Item
		Pengetahuan	Kefahaman	Kemahiran	
1.	Asas Nahu	4	4	5	13
2.	Ism Marfūc	4	4	5	13
3.	Ism Mansūb	4	4	5	13
4.	Ism Majrūr	1	1	1	3
5.	al-Tawābic	1	1	2	4
6.	al-Mucrab min al Af'āl	1	1	2	4
Jumlah		15 (30%)	15 (30%)	20 (40%)	50 (100%)

PEMBINAAN ITEM UJIAN

Sebelum item ujian dibina, penetapan jenis ujian perlu dilakukan. Kajian ini menggunakan ujian berbentuk objektif aneka pilihan. Tujuan item aneka pilihan digunakan adalah untuk memberi ruang kepada responden memilih jawapan yang paling tepat dan menjimatkan masa memikirkan jawapan. Di samping itu, ujian objektif aneka pilihan mudah untuk diperiksa walaupun oleh pemeriksa yang berlainan kerana jawapan untuk ujian jenis ini telah ditetapkan.

Setelah item ujian dibentuk, semakan dan penilaian setiap item telah dilakukan. Proses ini bertujuan agar setiap arahan dan bahasa yang digunakan tidak menimbulkan kekeliruan kepada responden. Di samping itu, dapat memastikan semua item berkeupayaan mengukur konstruk yang ingin diuji dan tempoh masa menjawab soalan dapat dianggarkan.

Berasaskan kepada JSU yang dibentuk, responden mesti menjawab semua item yang disediakan dalam masa satu jam. Anggaran masa untuk menjawab setiap item adalah 1 minit untuk 1 item. Tempoh yang dianggarkan untuk menjawab 50 item adalah 50 minit. Manakala baki 10 minit yang diperuntukkan untuk adalah untuk semakan jawapan yang telah diberikan. Anggaran tempoh menjawab item ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Item dan Tempoh Menjawab Soalan

Konstruk	Bilangan Item	Tempoh Menjawab
Pengetahuan	15	15 minit
Kefahaman	15	15 minit
Kemahiran	20	20 minit
Tempoh semakan jawapan		10 minit
Jumlah	50	60 minit

Responden yang mendapat skor 85 hingga 100 digredkan sebagai A dengan pencapaian cemerlang. Skor 70 hingga 84 digredkan B dengan

pencapaian baik. Skor 60 hingga 69 digredkan C dengan pencapaian sederhana baik. Skor 45 hingga 59 digredkan D dengan pencapaian kurang baik. Skor 30 hingga 44 digredkan E dengan pencapaian lemah dan skor 0 hingga 29 digredkan F dengan pencapaian sangat lemah. Penggredan ujian ini diadaptasi daripada kajian Mohd Fauzi Kamarudin et al. (2008) dengan sedikit pengubahsuaian sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3: Gred dan Pencapaian

Markah	Gred	Pencapaian	Keupayaan Nahu	Ilmu Penguasaan
85 - 100	A	Cemerlang	Tepat dan sesuai, hampir tiada yang tidak tepat.	Tahap penguasaan ilmu Nahu sangat tinggi.
70 - 84	B	Baik	Sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Tahap penguasaan ilmu Nahu baik.
60 - 69	C	Sederhana Baik	Kebanyakannya sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Tahap penguasaan ilmu Nahu memuaskan.
45 - 59	D	Kurang Baik	Biasanya sesuai tetapi dengan ketidaktepatan yang ketara.	Mampu menguasai tetapi wujud salah tafsiran.
30 - 44	E	Lemah	Penggunaan yang tidak tepat dalam bahasa yang mengakibatkan kesalahan yang kerap dalam nahu.	Penguasaan ilmu Nahu yang terhad.
0 - 29	F	Sangat Lemah	Penggunaan yang tidak sesuai dan tepat dalam bahasa yang menyebabkan kesalahan sangat kerap dalam nahu.	Kurang penguasaan ilmu Nahu.

ANALISIS ITEM

Item yang dianalisis adalah item ujian tahap penguasaan ilmu nahu pelajar STAM. Analisis ini bertujuan untuk mendapatkan nilai indeks kesukaran (IK) dan indeks diskriminasi (ID) item. Melalui IK dan ID yang diperolehi, kajian ini dapat menetapkan item yang bersesuaian untuk kajian sebenar.

Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian PediA versi 3. Perisian PediA versi 3 adalah satu perisian yang dibangunkan untuk menganalisis soalan ujian atau peperiksaan yang berbentuk objektif sahaja. Perisian ini dimuat turun dari laman sesawang Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad (SMKTIWA) Batu Gajah Perak.

Analisis setiap item hanya akan menggunakan nombor item sahaja. Semua item ujian dalam kajian ini boleh dirujuk di lampiran 2.

INDEKS KESUKARAN ITEM

Menurut Mohamed Bilal Ali (2008) Indeks Kesukaran (IK) item ialah satu indeks pengukuran tentang kesukaran item bagi kumpulan yang diuji dan digunakan untuk menghurai kesukaran item bagi sesuatu ujian. Julat IK adalah di antara 0.00 hingga 1.00. Aras kesukaran setiap item ujian dapat ditentukan melalui nilai IK. Nilai IK dan aras kesukaran item ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Nilai IK dan Aras Kesukaran Item

Indeks kesukaran	Aras Kesukaran
0.3 ke bawah	Tinggi
0.31 hingga 0.69	Sederhana
0.7 ke atas	Rendah

Sumber: Mohamed Bilal Ali 2008

Untuk mendapatkan nilai IK, semua jawapan yang betul untuk setiap item akan dibahagikan dengan jumlah responden yang menjawab item tersebut. Formulanya adalah seperti berikut:

$$IK = \frac{Nb}{N}$$

Nb: bilangan responden yang menjawab betul sesuatu item.

N: Jumlah responden yang menjawab item tersebut.

Kajian rintis ini melibatkan 30 responden dari 3 kategori sekolah iaitu SMAN, SABK dan SMAR. Bilangan item untuk ujian tahap penguasaan ilmu nahu berjumlah 50 item. Aras kesukaran konstruk pengetahuan dalam kajian rintis ini menunjukkan bahawa 2 item adalah rendah iaitu item nombor 1 dan 6. Sebanyak 10 item berada di aras kesukaran sederhana iaitu item nombor 2, 3, 4, 7, 8, 10, 11, 13, 14 dan 15. Manakala 3 item berada di aras kesukaran tinggi iaitu nombor 5, 9 dan 12.

Untuk konstruk kefahaman didapati 3 item berada dalam aras kesukaran rendah iaitu item nombor 16, 18 dan 30. Sebanyak 6 item berada dalam aras kesukaran sederhana iaitu item nombor 17, 19, 23, 26, 28 dan 29. Manakala 6 item lagi berada dalam aras kesukaran tinggi iaitu item nombor 20, 21, 22, 24, 25 dan 27.

Konstruk kemahiran pula mengandungi 20 item. Kajian rintis ini mendapati tiada item konstruk kemahiran berada pada aras kesukaran rendah. Sebanyak 10 item berada pada aras kesukaran sederhana iaitu item nombor 32, 35, 36, 37, 39, 40, 42, 44, 46 dan 49. Manakala 10 item lagi berada pada aras kesukaran tinggi iaitu item nombor 31, 33, 34, 38, 41, 43, 45, 47, 48 dan 50.

Perincian nilai IK dan aras kesukaran untuk ketiga-tiga konstruk iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran adalah seperti di lampiran 3. Bersandarkan kepada nilai IK yang diperolehi daripada ketiga-tiga konstruk didapati peratus aras kesukaran rendah untuk konstruk pengetahuan adalah sebanyak 13 %, aras kesukaran sederhana sebanyak 67 % dan aras kesukaran tinggi sebanyak 20 %. Untuk konstruk kefahaman didapati peratus aras kesukaran rendah adalah sebanyak 20 %, peratus aras kesukaran sederhana sebanyak 40 % dan peratus aras kesukaran tinggi juga sebanyak 40 %. Untuk konstruk kefahaman didapati peratus aras kesukaran rendah adalah sebanyak 0 %, peratus aras kesukaran sederhana sebanyak 50 % dan peratus aras kesukaran tinggi juga sebanyak 50 %. Peratus aras kesukaran item ketiga-tiga konstruk ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Peratus Aras Kesukaran Bersandarkan Konstruk

Konstruk	Aras kesukaran	Bil. Item	Peratus	Jumlah peratus
Pengetahuan	Rendah	2	13 %	100 %
	Sederhana	10	67 %	
	Tinggi	3	20 %	
Kefahaman	Rendah	3	20 %	100 %
	Sederhana	6	40 %	
	Tinggi	6	40 %	
Kemahiran	Rendah	0	0 %	100 %
	Sederhana	10	50 %	
	Tinggi	10	50 %	

Kajian mendapati peratus aras kesukaran rendah untuk keseluruhan item ujian adalah sebanyak 10 %, aras kesukaran sederhana adalah sebanyak 52 % dan aras kesukaran tinggi adalah sebanyak 38 %. Peratus aras kesukaran untuk keseluruhan item ujian ditunjukkan dalam jadual 6.

Jadual 6: Peratus Aras Kesukaran Keseluruhan Item Ujian

Aras Kesukaran	Konstruk Pengetahuan	Kefahaman	Kemahiran	Jumlah Item	%
Rendah	2	3	0	5	10 %
Sederhana	10	6	10	26	52 %
Tinggi	3	6	10	19	38 %
Jumlah	15	15	20	50	100 %

Aras kesukaran item diperolehi bersandarkan kepada skor responden. Walaupun jadual 10 menunjukkan item aras kesukaran tinggi sebanyak 19 (38%) item, namun semua item ujian ini akan dikekalkan dalam kajian sebenar. Pengekalan semua item ini hanyalah di peringkat awal iaitu dengan hanya bersandarkan kepada aras kesukaran item sahaja. Penetapan semua item yang akan dikekalkan dalam kajian sebenar nanti hanya akan ditentukan oleh nilai indeks diskriminasi (ID) item yang akan dianalisis.

Aras kesukaran tinggi sesuatu item menunjukkan responden gagal menjawab dengan betul item tersebut. Item yang dianalisis dalam

kajian rintis ini sebenarnya menunjukkan pengetahuan sedia ada responden. Responden tidak dimaklumkan terlebih dahulu berkaitan kajian rintis ini untuk mengelakkan responden membuat persediaan awal. Hanya pihak sekolah sahaja yang dimaklumkan untuk mendapatkan kebenaran dan kerjasama sewaktu kajian rintis ini dijalankan.

Memandangkan item ujian tahap penguasaan ilmu nahu ini bersifat menyeluruh iaitu merangkumi semua topik dalam ilmu nahu, maka aras kesukaran item yang diperolehi menunjukkan tahap sebenar penguasaan responden terhadap semua topik tersebut. Justeru, dapatan analisis item bersandarkan kepada nilai IK yang dilaksanakan akan membantu pihak sekolah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sebenar responden kajian.

INDEKS DISKRIMINASI ITEM

Indeks Diskriminasi (ID) item adalah petunjuk keupayaan pengasingan item (Mohamad Khairi Mat Said 2012). Indeks ini bertujuan untuk melihat perbezaan 2 kumpulan iaitu kumpulan yang mendapat skor yang tinggi dan kumpulan yang mendapat skor yang rendah menjawab sesuatu item. Ini kerana, kebiasaannya item yang mempunyai aras kesukaran tinggi hanya mampu dijawab oleh kumpulan yang mendapat skor tinggi sahaja. Namun demikian, terdapat juga keadaan sesuatu item itu mampu dijawab oleh kedua-dua kumpulan. Begitu juga keadaan ID sesuatu item itu terlalu rendah sehinggakan tafsiran yang dibuat menunjukkan kumpulan yang mendapat skor rendah lebih ramai yang menjawab betul daripada kumpulan yang mendapat skor tinggi item tersebut. Justeru, ID yang diperolehi melalui ujian ini akan berupaya mengenal pasti item yang mempunyai perbezaan pencapaian dari 2 kumpulan ini.

Menurut Low Hiang Loon (t.th) tafsiran kepada nilai ID yang melebihi 0.4 menunjukkan diskriminasi positif yang tinggi. Nilai ID di antara 0.2 hingga 0.4 menunjukkan diskriminasi positif yang sederhana. Nilai ID di antara 0 hingga 0.2 menunjukkan diskriminasi positif yang rendah. Manakala nilai ID yang kurang dari 0 menunjukkan diskriminasi negatif iaitu prestasi kumpulan rendah lebih baik daripada kumpulan tinggi. Tafsiran nilai ID ini ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 7: Tafsiran Item Berasaskan ID

Indeks Diskriminasi	Tafsiran Item
ID lebih dari 0.4	Diskriminasi positif yang tinggi
ID berada di antara 0.2 hingga 0.4	Diskriminasi positif yang sederhana
ID berada di antara 0 hingga 0.2	Diskriminasi positif yang rendah
ID kurang dari 0	Diskriminasi negatif iaitu prestasi kumpulan rendah lebih baik daripada kumpulan tinggi

Sumber: Low Hiang Loon t.th

Untuk mendapatkan ID item dalam kajian ini, langkah pertama diambil adalah menyusun skor ujian mengikut turutan daripada skor tertinggi kepada skor terendah. Seterusnya membahagikan skor responden kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan skor yang tinggi dan kumpulan skor yang rendah. IK item untuk setiap kumpulan akan dihitung. Setelah mendapat IK item daripada 2 kumpulan tersebut, pengiraan untuk mendapatkan ID dibuat iaitu dengan cara IK item daripada kumpulan skor yang tinggi tolak IK item daripada kumpulan skor yang rendah.

$$ID = IK_t - IK_r$$

IK_t : Indeks kesukaran kumpulan skor tinggi

IK_r : Indeks kesukaran kumpulan skor rendah

Terdapat 3 konstruk yang diukur dalam kajian rintis ini iaitu konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Untuk konstruk pengetahuan, kajian rintis ini mendapati 6 item iaitu nombor 5, 8, 9, 10, 12 dan 13 memperoleh nilai ID rendah. Sebanyak 7 item iaitu item nombor 1, 4, 6, 7, 11, 14 dan 15 memperoleh nilai ID yang sederhana. Baki 2 item iaitu item nombor 2 dan 3 memperoleh nilai ID yang tinggi. Untuk konstruk kefahaman, sebanyak 8 item iaitu item nombor 16, 17, 21, 23, 24, 25, 27 dan 28 memperoleh nilai ID yang rendah. Nilai ID yang sederhana pula adalah sebanyak 5 item iaitu item nombor 18, 20, 22, 29 dan 30. Manakala nilai ID yang tinggi adalah sebanyak 3 item iaitu item nombor 19 dan 26.

Untuk konstruk kemahiran, kajian rintis ini mendapati 10 item iaitu item nombor 32, 33, 34, 38, 39, 41, 42, 46, 48 dan 49 memperoleh nilai ID yang rendah. Nilai ID yang sederhana adalah sebanyak 2 item sahaja iaitu item nombor 35 dan 50. Sebanyak 4 item iaitu item

nombor 36, 37, 40 dan 44 memperoleh nilai ID yang tinggi dan 4 item juga iaitu item nombor 31, 43, 45 dan 47 memperoleh nilai ID negatif. Perincian nilai ID dan tafsiran setiap item ujian dalam kajian rintis ini yang merangkumi konstruk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran adalah seperti di lampiran 4.

Kajian rintis ini merumuskan 27 (54%) item daripada 50 item yang digunakan dalam ujian berada pada tahap diskriminasi rendah. Sebanyak 11 (22%) item berada pada tahap diskriminasi sederhana . Tahap diskriminasi tinggi pula melibatkan 8 (16%) item dan 4 (8%) item berada pada tahap diskriminasi negatif. Rumusan bilangan dan peratus item bersandarkan tafsiran nilai ID ditunjukkan dalam jadual 8.

**Jadual 8: Bilangan Dan Peratus Item
Bersandarkan Tafsiran Nilai ID**

Tafsiran item	Bilangan item	Peratus item
Rendah	27	54%
Sederhana	11	22%
Tinggi	8	16%
Negatif	4	8%
Jumlah	50	100%

Kajian rintis ini mendapati item yang mempunyai nilai ID yang rendah adalah sebanyak 27 (54%) item. Namun, semua item yang mempunyai nilai ID yang rendah ini tidak disingkirkan daripada item ujian kerana semua item ini masih berupaya membezakan di antara kumpulan yang berprestasi tinggi dan yang berprestasi rendah walaupun memperoleh nilai ID yang rendah.

Kajian rintis ini menetapkan bahawa item yang memperoleh nilai ID 0.00 dan nilai yang negatif sahaja yang akan disingkirkan. Sebanyak 8 item yang dikenal pasti memperoleh nilai ID 0.00 dan nilai yang negatif. Item yang memperoleh nilai ID 0.00 sebanyak 4 item iaitu item nombor 5, 9, 38 dan 41. Manakala item yang memperoleh nilai ID yang negatif juga sebanyak 4 item iaitu item nombor 31, 43, 45 dan 47. Daripada 8 item ini hanya 7 item yang akan disingkirkan. Keputusan ini dibuat setelah melihat kepada aras kesukaran semua item ini dan mendapati item nombor 31 berada pada aras kesukaran

yang sederhana manakala 7 item lagi mempunyai aras kesukaran yang tinggi. Walaupun nilai ID item nombor 31 adalah negatif, namun aras kesukarannya adalah sederhana. Ini bermakna item ini bukanlah item susah dan juga bukanlah item yang mudah. Justeru, item ini iaitu item nombor 31 akan dikekalkan.

Justeru, selepas penyingkiran 7 item iaitu item nombor 5, 9, 38, 41, 43, 45 dan 47, maka jumlah item yang akan kekal sebagai item ujian dan akan digunakan dalam kajian yang sebenar hanya sebanyak 43 item. Penyingkiran 7 item ini mewujudkan perbezaan bilangan dan peratus penggunaan item bersandarkan konstruk yang hendak diukur. Perbezaan bilangan dan peratus penggunaan item ini ditunjukkan dalam jadual 9.

Jadual 9: Perbezaan Bilangan dan Peratus Penggunaan Item

Konstruk	Bil. item sebelum penyingkiran	Peratus item sebelum penyingkiran	Bil. item selepas penyingkiran	Peratus item selepas penyingkiran
Pengetahuan	15	30%	13	30%
Kefahaman	15	30%	15	35%
Kemahiran	20	40%	15	35%
Jumlah	50	100%	43	100

Walaupun wujud perubahan bilangan item dan peratus pemberatan item berasaskan konstruk yang diukur, namun perubahan ini tidak mempengaruhi keseimbangan topik yang telah ditetapkan sebagaimana dalam jadual JSU.

KESAHAN ITEM

Kesahan instrumen merujuk kepada keupayaan suatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis (Chua Yan Piaw 2006). Dalam kajian ini, perkara yang diukur adalah tahap penguasaan ilmu nahu dari aspek pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Instrumen yang digunakan pula adalah set soalan ujian. Justeru, kesahan dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan set soalan

ujian yang digunakan untuk mengukur konsep penguasaan yang telah ditetapkan.

Untuk mendapatkan kesahan instrumen kajian ini, semua item yang dibina dirujuk terlebih dahulu kepada 2 orang penyelia untuk diteliti dan diperhalusi. Bersandarkan kepada maklum balas yang diperolehi, beberapa item telah diubahsuai dan diperbaiki. Seterusnya set soalan ujian ini dikemukakan kepada 2 orang pakar penilai untuk mendapatkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Secara umumnya, kesahan muka adalah kesahan yang merujuk kepada apa yang hendak diukur dalam ujian. Manakala kesahan kandungan merupakan penilaian yang sistematik ke atas isi kandungan ujian untuk menentukan sama ada domain tingkah laku yang hendak diukur mewakili keseluruhan kandungan sesuatu domain (Mohamad Najib Abdul Ghafar 2011).

Hasil penilaian kedua-dua orang pakar penilai ini beberapa item telah diperbaiki dari sudut ejaan, penggunaan perkataan yang sesuai, menggunakan *rasm al-'uthmani* untuk ayat al-Quran dan menggunakan distraktor yang sesuai. Ini bertujuan agar semua arahan dan pernyataan di dalam set ujian jelas dan dapat difahami dengan baik. Manakala dari sudut konstruk yang ingin diukur, kedua-dua pakar penilai bersetuju dan berpuas hati dengan semua item yang dibina. Semua item ini mempunyai kesesuaian dan keseimbangan dari sudut topik dan sub topik untuk mengukur konstruk yang ditetapkan dan sesuai dijadikan item set ujian. Set ujian ini kemudiannya digunakan dalam kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan item ujian sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

KEBOLEHPERCAYAN ITEM

Menurut Chua Yan Piaw (2006) kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi.

Kajian ini menggunakan prosedur 1 ujian untuk menentukan kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman instrumen kajian. Kaedah yang dipilih adalah menggunakan formula Kuder-Richardson (KR-20). Menurut Khairul Azhar Mat Daud et. al (2015) item yang berbentuk dikotomi atau betul-salah, penggunaan formula KR-20 adalah kaedah yang sesuai untuk menilai kebolehpercayaan instrumen. Pengiraan

formula KR-20 dilakukan menggunakan Microsoft Excel sebagaimana yang dirangka oleh Anwar Hidayat (2014).

Nilai KR-20 yang diperolehi untuk keseluruhan item ujian selepas penyingkiran item dilakukan adalah 0.8763. Tahap Penguasaan yang diukur melalui kajian ini mengandungi 3 konstruk utama iaitu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Untuk konstruk pengetahuan nilai KR-20 yang diperolehi adalah 0.7214, konstruk kefahaman 0.6848 dan konstruk kemahiran 0.734.

Menurut Mokhtar Ismail (2010) KR-20 mempunyai konsep yang sama dengan alpha Cronbach. Mohd. Majid Konting (2000) menyatakan bahawa nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 selalunya diguna pakai dalam kajian sebagai asas penentuan tahap kebolehpercayaan soal selidik. Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani et. al (2009) nilai yang sama juga boleh digunakan kepada formula KR-20. Justeru, instrumen kajian ini yang dianalisis menggunakan KR-20 memperoleh nilai kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman keseluruhan item set ujian yang tinggi iaitu 0.8763.

KESIMPULAN

Ilmu nahu mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam pengajian bahasa Arab. Keupayaan menguasai ilmu nahu dapat membantu pemahaman teks Arab yang dibaca khususnya dalam STAM. Penguasaan ilmu nahu juga akan turut membantu pembentukan struktur ayat yang baik dalam penulisan dan pertuturan.

Kajian ini melibatkan 30 responden yang sedang mengikuti STAM daripada SMAN, SABK dan SMAR. Indeks Kesukaran (IK) item yang diperolehi melalui analisis item yang telah diskor menunjukkan 10% item berada di aras kesukaran rendah, 52% berada di aras kesukaran sederhana dan 38% berada di aras kesukaran tinggi. Kajian rintis ini mendapati 7 item perlu disingkirkan. Penyingkiran item ujian ini telah mengurangkan jumlah item daripada 50 kepada 43 item yang akan digunakan dalam kajian sebenar.

Kesahan instrumen kajian diperolehi daripada 2 orang pakar penilai melalui kesahan muka dan kesahan kandungan. Kebolehpercayaan instrumen kajian pula dinilai menggunakan formula KR-20 yang

menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan ketekalan dalam yang tinggi iaitu 0.8763.

RUJUKAN

- Abdul Wahid Salleh. (2001). Kesan Nahu kepada tafsir al-bahr al-muhit kajian terhadap surah al-Baqarah dan Ali cImran. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Rushdi Haroon. (2010). Penguasaan partikel 'al' bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Anwar Hidayat. (2014). KR 20 dengan excel. <http://www.statistikian.com> [13 Mac 2016].
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *Journal of Language Studies* 12(2): 645-666.
- Chua, Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hakim Zainal & Mohd Muslim Abdullah. (2014). Penggunaan ayat Quran, warna dan rumus dalam pengajaran al-cadad wa al-macdud. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, hlm. 1-12. <https://seminarpnparab2014.files.wordpress.com> [13 September 2015].
- Hashim Mat Zin. (2008). Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Ismail Mohd Hassan @ Sham. 1986. Bentuk-bentuk icrab dan implikasinya terhadap makna ayat-ayat dalam surah al-Baqarah dan al-Imran. Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Hassan Basri Awang Mat Dahan & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2009). Penggunaan ujian kloz dalam mengukur kebolehpercayaan teks Arab untuk pembaca bukan Arab di Malaysia: satu kajian rintis. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (2): 15-30.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2002). Kesan tatabahasa Arab terhadap pengeluaran hukum Fiqh daripada Al-Quran al-Karim: satu tinjauan khusus dalam surah al-Baqarah. Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairul Azhar Mat Daud, Nik Zulkarnaen Khidzir & Hasyamuddin Othman. (2015). Instrumen kesediaan pembelajaran terarah sendiri. <http://umkeprints.umk.edu.my> [13 Mac 2016].
- Lembaga Peperiksaan. (2013). Pengumuman Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2012. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Low Hiang Loon. t.th. Penganalisisan dan pentafsiran soalan selepas pemarkahan. <http://www.iium.edu.my> [10 Mac 2016].
- Mat Nawi Mat Jusoh, Hakim Zainal & Kaseh Abu Bakar. (2014). Aplikasi rumus dalam pengajaran nahu bahasa Arab. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, hlm. 1-16. <https://seminarnparab2014.files.wordpress.com> [13 September 2015].
- Mohamad Hussin. (2010). Penguasaan al-cadad wa al-macdad dalam kalangan pelajar. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohamad Khairi Mat Said. (2012). Analisis Item. <https://ictrpk.files.wordpress.com> [15 Mac 2016].
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2011. Kesahan dalam pengukuran dan penilaian. <http://ppgipgtawaupjk.blogspot.my> [10 Mac 2016].
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzauddin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Nor Effendy Ahmad Sokri. (2014). Analisis kesalahan Nahu bahasa Arab dalam karangan pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur, 17-18 November.
- Mohamed Bilal Ali. (2008). Analisis item dan analisis skor. <http://www.fp.utm.my> [15 Mac 2016].
- Mohd Fauzi Kamarudin, Muliati Sidek, Izaidin Abdul Majid, Ismail Ibrahim, sabri Mohamad Sharif & Mimi Nahariah Azwani Mohamed. t.th. Tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan staf akademik di sebuah Universiti Teknikal. Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, hlm. 65-74.
- Mohd Majid Konting. (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohd Shafien Othman. (2008). Penguasaan *al-I'lal* dan *al-Ibdal* di kalangan pelajar-pelajar peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): satu kajian kes. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mokhtar Ismail. (2010). Pengukuran dan penilaian. <https://ibnuziad.wordpress.com> [10 Mac 2016].
- Muhamad Fahmi Abd Jalil. 2012. Penguasaan pelajar STAM terhadap imbuhan kata bahasa Arab. Disertasi Sarjana, Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.
- Muhamad Mustafa. (1995). Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Munirah Jaafar. (2011). Penguasaan kata kerja bahasa Arab dalam kalangan pelajar kelas Aliran Agama. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Naimah Abdullah. (2003). Analisis Sintaksis bahasa Arab dan implikasi kesilapannya ke atas makna. Tesis Dr. Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- Normila Norudin, Nik Murshidah, Raja Hazirah Raja Sulaiman & Zaiton Mustafa. (2014). Pengaruh bahasa ibunda terhadap pembinaan struktur ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar UNISZA. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, hlm. 1-10. <https://seminarpnparab2014.files.wordpress.com> [13 September 2015].
- Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Kamarulzaman Abdul Ghani & Ashraf Ismail. (2012). Miskonsepsi terhadap topik ism al-cadad wa al-macdud dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 4(1): 11-19.
- Rosni Samah & Arnida A Bakar. (2008). Pendekatan pengajaran & pembelajaran subjek Nahu di peringkat STAM dan tahap penguasaan pelajar: kajian di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri. Laporan penyelidikan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah & Muhammad Marwan Ismail. (2006). Penguasaan "al-Balaghah" dan permasalahannya di kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (kajian di sekolah-sekolah agama negeri Selangor). Laporan penyelidikan Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Yass Khudayer Jasim. (2002). Kesan Nahu dalam menentukan maksud al-Quran. Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Hazrul Affendi Mohmad Razali,
Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: hazrul75@yahoo.com*

*Zamri Arifin (Prof. Madya Dr)
Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: abuzaim@ukm.edu.my*

*Hakim Zainal (Pensyarah Kanan)
Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: haza@ukm.edu.my*